



**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8891 9356
Faks : 03-8891 9304
Laman Web : <http://.politeknik.gov.my>
Facebook : politeknik.edu

Ruj. Kami : KPT.JPP.PPPP.700-1 Jld. 12 (9)
Tarikh : 30 Jun 2016

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan,

**PROSEDUR KELULUSAN PENGANJURAN PERSIDANGAN/ SEMINAR/ KOLOKIUUM/
KONVENSYEN/ INOVASI DI PERINGKAT POLITEKNIK, ZON, KEBANGSAAN DAN
ANTARABANGSA.**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Prosedur Kelulusan Penganjuran Persidangan/ Seminar/ Kolokium/ Konvensyen/ Inovasi Di Peringkat Politeknik, Zon, Kebangsaan Dan Antarabangsa yang telah dibangunkan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik. Sehubungan dengan itu, Politeknik Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah digariskan.

3. Sekiranya pihak YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafura Binti Shariff di talian 03-88919320/0137910578. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan berhubung perkara di atas didahului dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Dr. ABDUL RAHIM BIN AHMAD)

Pengarah
Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik
Jabatan Pendidikan Politeknik

s.k.

1. Timbalan Pengarah Akademik
2. Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi

PROSEDUR KELULUSAN PENGANJURAN PERSIDANGAN/ SEMINAR/ KOLOKIUUM/ KONVENSYEN/ INOVASI DI PERINGKAT POLITEKNIK, ZON, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA.

1.0 Tujuan

Manual Prosedur Kerja ini adalah bertujuan memberi panduan proses penganjuran persidangan/ seminar/ kolokium/ konvensyen/ inovasi di peringkat Politeknik, Zon, Kebangsaan dan Antarabangsa kepada Politeknik Malaysia. Semua terma dan syarat **wajib** dipatuhi oleh semua penganjur seminar penyelidikan atau/dan inovasi di peringkat Politeknik Malaysia.

2.0 Skop

Prosedur ini merangkumi 3 peringkat penganjuran persidangan/ seminar/ kolokium/ konvensyen/ inovasi iaitu:

- i. Penganjuran seminar peringkat Politeknik, Zon dan Kebangsaan.
- ii. Penganjuran seminar peringkat Antarabangsa.
- iii. Penganjuran seminar peringkat Antarabangsa (Anjuran bersama Institusi Luar, tidak diketuai oleh Politeknik)


3.0 Tanggungjawab

Pihak pengurusan **Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (PPIP)** dan **semua penganjur seminar di peringkat Politeknik Malaysia** adalah tertakluk kepada Manual Prosedur Kerja ini.

4.0 Terma

Penganjuran seminar di peringkat Politeknik, Zon, Kebangsaan dan Antarabangsa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan samada memperolehi atau tidak memperolehi pembiayaan daripada Politeknik atau JPP.


A. Penganjuran Persidangan/ Seminar/ Kolokium/ Konvensyen/ Inovasi di Peringkat Politeknik, Zon dan Kebangsaan.



B. Penganjuran Persidangan/ Seminar/ Kolokium/ Konvensyen/ Inovasi di Peringkat Antarabangsa.



C. Penganjuran Persidangan/ Seminar/ Kolokium/ Konvensyen/ Inovasi di Peringkat Antarabangsa (Anjuran bersama institusi luar,tidak diketuai oleh Politeknik).



- Penyediaan kertas cadangan penganjuran seminar antarabangsa anjuran bersama Institusi Luar
- Sokongan permohonan oleh Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi (KUPIK)
- Kelulusan permohonan dari Pengarah Politeknik
- Permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak PPIP 9 bulan sebelum penganjuran seminar.
- Politeknik **tidak dibenarkan** untuk mengetuai penganjuran seminar antarabangsa.
- Semua transaksi kewangan dan yuran pembentangan perlu dikendalikan oleh rakan penganjur.
- Kelulusan kewangan seminar tertakluk kepada peruntukan kewangan tahun semasa atau dari sumber lain.
- Sokongan permohonan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (PPIP)
- Kelulusan permohonan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik
- Keputusan permohonan yang lulus dimaklumkan kepada politeknik.
- Salinan kelulusan permohonan seminar diedarkan kepada penganjur.
- Penglibatan PPIP **wajib** dalam mesyuarat induk dan penyelarasan seminar.